

27 MAY 2003

AGONG UTUS UCAP TAHNIAH KEPADA AZERBAIJAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Azerbaijan, Heydar Aliyevm, sempana Hari Kebangsaan negara itu.

"Semoga Tuan Yang Terutama dikurniakan kesihatan yang baik dan kebahagiaan untuk terus memimpin rakyat Azerbaijan ke arah keamanan, kemajuan dan kemakmuran yang lebih baik," titah baginda.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Artur Rasizade, dengan menyuarakan keyakinan bahawa hubungan mesra antara kedua-dua negara akan diperkukuhkan pada masa depan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Vilayat Moukhtar Oglu Guliyev, berkata beliau yakin Malaysia dan Azerbaijan boleh bekerjasama dalam menyepadukan pelbagai bidang kerjasama dua hala dan pelbagai hala, untuk manfaat kedua-dua negara.

-- BERNAMA

SNS HS AAM LAT